

# Penyelesaian masalah belenggu pengusaha dusun perlu kerjasama banyak pihak

Oleh Prof Madya Dr Yahya Awang

yahya\_awg@putra.upm.edu.my ✓

**S**ETIAP kali tiba musim buah-buahan, isu lambakan buah-buahan terpilih akan memeningkan banyak pihak. Petani yang terbabit adalah antara golongan yang mendapat kesan terus daripada masalah ini.

Dalam masa singkat, masalah ini menjadi isu nasional dan akan mendapat perhatian semua pihak berkepentingan, termasuk Kementerian Pertanian dan Industri Asas Tani serta agensi di bawahnya. Sekiranya masalah ini menjadi tidak terkawal, agensi pertanian, terutama yang bertanggungjawab dalam hal berkaitan dengan pemasaran, akan menjadi tumpuan.


Masalah lambakan buah-buahan ini bukannya isu baru. Ia berlaku saban tahun dan terus berlarutan. Tetapi kenaikan masalah ini terus-menerus berlaku saban tahun dan menghantui banyak pihak yang berwajib?

Apakah tidak ada usaha positif dilakukan untuk mengetas masalah ini? Jika ada, kenapa langkah yang diambil tidak berjaya membendung sehingga menjadikannya masalah 'perenial'?

Sekiranya persoalan ini diajukan kepada pihak tertentu, jawapan yang diterima amatlah pelbagai.

Hendak dikatakan kita mengeluarkan buah-buahan secara berlebihan, kita masih lagi dilabelkan sebagai sebuah negara pengimport buah-buahan. Lihat sajalah buah-buahan yang dijual di Malaysia, kebanyakannya diimport, bukan saja buah-buahan temperat malah juga buah-buahan tropika seperti durian, rambutan, dodol, mempelam dan limau.

Pelbagai jawapan boleh diberikan kepada permasalahan ini. Ada yang mengatakan bahawa kawalan kualiti adalah punca utama yang menyumbang kepada masalah ini. Jawapan ini ada benarnya. Cuba kita lihat keadaan fizikal kulit 'empelam 'harum manis' dan limau 'madu' yang dieluarkan oleh petani tempatan dan bandingkan dengan keadaan kulit buah sama yang diimport. Kalau



## Lambakan buah bermusim

beginilah keadaannya bagaimanakah agaknya buah-buahan ini dapat menembusi pasaran eksport.

Masalah yang berkaitan dengan keadaan fizikal kulit yang dibangkitkan di atas hanyalah satu contoh berkaitan kualiti yang kecil tetapi tidak kurang pentingnya. Sebenarnya isu kualiti buah-buahan ini adalah suatu isu yang luas dan menyeluruh. Isu ini juga tidak bermusim.

La harus ditangani secara integrasi dan membatikan pelbagai disiplin dan kepakaran: agronomi, kawalan penyakit dan perosak serta pengendalian lepas tuai, operasi rumah pembungkuhan dan pengangkutan.

Pendekatan yang dinyatakan ini adalah sejarah dengan konsep Amalan Pertanian Baik dan di negara kita, konsep ini diterjemahkan melalui Skim Amalan Ladang Baik Malaysia. Meskipun sesuatu ladang buah-buahan telah ditamat dengan baka yang baik, tanpa program pembajaan teratur, pangkasannya sesuai dan pengawalan penyakit dan makhluk berkeras, buah yang berkualiti tidak mungkin dapat dihasilkan.

Begini juga dengan ama-

lan baik pada peringkat pengendalian lepas tuai dan operasi rumah pembungkuhan. Bermula dengan penurian pada peringkat kematangan optimum, buah yang diitu perlu dinyaahkan habadang dengan kadar segera, sebelum dibersihkan, dirawat dan digredkan sebelum dibungkus dan disimpan dalam keadaan sesuai.

Sekiranya semua ini tidak dilakukan dengan sem-

purna, usaha yang dibuat bagi meningkatkan pengeksportan sekali gus mengurangkan masalah lambakan buah-buahan ini tidak akan mendatangkan hasil membangangkan.

Banyaknya ada antara kita yang pernah didatangi pengeksport yang melahirkan masalah mereka untuk mendatangkan buah durian klon D24 dalam kuantiti banyak bagi tempoh ditetapkan. Jika

mereka ini datang untuk mendapatkan bantuan, saya percaya tidak banyak yang kita dapat lakukan sedangkan di luar sana kita mempunyai durian seluas 62,000 hektar yang boleh mengeluarkan hasil.

Jika demikian halnya bermakna varieti atau klon buah-buahan yang kita tanam (seperti durian dalam kes ini) terdiri daripada varieti yang tidak dapat me-



GAMBAR/HASAN

**MASALAH** lambakan buah-buahan bermusim terus membenggu pengusaha dusun berskala besar di negara ini.

menuhi cita rasa pengguna luar negara. Hakikatnya, isu yang berkaitan dengan bahan tanaman dan baka ini sudah lama disedari dan menghantui kita berdekad lamanya.

Tetapi kenapa kita masih lagi belum berjaya mengatasinya? Adakah kita kekurangan bekalan bahan tanaman yang sesuai? Ke mana pergiya benih durian bermutu tinggi yang dijual dan diedarkan oleh Jabatan Pertanian, Mardi, Pertubuhan Ladang dan lain-lain pembekal swasta? Adakah anak benih ini tidak diuruskan dengan baik dan akhirnya tidak dapat mengeluarkan hasil seperti dijangkakan?

Masalah lambakan buah-buahan ini juga dikatakan boleh dikurangkan sekiranya buah-buahan ini dapat diproses, sekali gus dapat menambah nilai produk berkenaan. Faedah yang bakal diperoleh melalui pemprosesan dalam menangani masalah ini memang diketahui umum dan sentiasa mendapat galakan pihak kerajaan.

Sekiranya pendekatan ini diterima ramai, tentunya masalah lambakan buah-buahan tempatan ini berkurangan. Jika kita amati, kebanyakannya buah-buahan yang diproses di Malaysia terdiri daripada buah-buahan tidak bermusim (seperti pisang, nanas dan jambu batu). Namun ada juga buah-buahan tempatan bermusim yang diproses, antaranya durian dan mempelam.

Bagaimana dengan dokong yang satu ketika dulu dikatakan satu komoditi sangat berdaya maju? Bolehkah buah ini diproses menjadikan produk bernilai tinggi, boleh disimpan lama, menarik, sekali gus dapat mengurangkan masalah lambakan dan mempelam.

Jika boleh, adakah kita mempunyai teknologi yang sesuai untuk diterima pakai oleh usahawan kecil dan sederhana dan telah dipindahkan secara efektif kepada usahawan berkaitan? Bagaimana dengan produk yang dihasilkan, adakah ia akan dapat memenuhi cita rasa pengguna dalam dan luar negeri? Jika benar, siapakah mereka ini?

Persoalan yang dibangkitkan ini menggambarkan bahawa lambakan buah-buahan tempatan bermusim ini adalah satu masalah kompleks dan bukannya masalah pengedaran semata-mata. Ia lebih daripada itu.

Penyelesaiannya memerlukan kerjasama banyak pihak. Mungkin ada orang akan berkata, ia bermula daripada petani yang mengusahakan ladang buah-buahan. Tetapi mereka ini tidak mempunyai maklumat terkini mengenai teknologi buah-buahan dan maklumat risikan pemasaran